

**KAJIAN TAPAK-TAPAK ARKEOLOGI DI MALAYSIA
DAN KEPENTINGANNYA DARI SUDUT PELANCONGAN,
TUMPUAN KHAS KEPADA TAPAK ARKEOLOGI PULAU KELUMPANG
PERAK DARUL RIDZUAN**

Oleh

SUZLYNA ABD LATIB

Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah
Kajian Senibina, Perancangan Dn Ukur
Institut Teknologi Mara
Shah Alam

Oktober 1993

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan limpah kurnianya maka saya dapat menyiapkan laporan kajian akhir ini pada waktunya demi untuk memenuhi keperluan Diploma Perancang Bandar Dan Wilayah.

Penghargaan ini ditujukan terutamanya kepada semua pensyarah yang telah memberi bimbingan dengan penuh dedikasi dan tanggung jawab dari mula saya menyertai bidang ini sehinggalah tamat pengajian.

Penghargaan yang khusus kepada penyelia kajian akhir, En Mohd Yusof Ismail yang telah memberi tunjuk ajar dan nasihat sepanjang tempoh penyediaan kajian akhir ini.

Penghargaan yang ikhlas ditujukan kepada mereka-mereka yang telah memberikan kerjasama dan maklumat terutamanya kepada Prof. Dr Nik Hassan Suhaimi dan En. Adi Haji Taha.

Penghargaan istimewa untuk Ibu, Abah, Nenek, Maklong dan Aziz yang telah memberikan sokongan dan galakan moral, mental dan material sepanjang pengajian saya.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan yang telah bersama-sama dalam keadaan susah dan senang.

Penghargaan
Abstrak
Senarai Rajah
Senarai Jadual
Senarai Gambar
Senarai Ilustrasi
Senarai Lampiran
Senarai Singkatkata

KANDUNGAN

BAB 1 PENDAHULUAN

- 1.0 Pengenalan.
- 1.1 Kenyataan Masalah
- 1.2 Objektif Kajian
- 1.3 Batasan Kajian
- 1.4 Metodologi Kajian

BAB 2 LATARBELAKANG ARKEOLOGI

- 2.1 Pengenalan
- 2.2 Definisi Arkeologi
- 2.3 Sejarah Bidang Arkeologi Di Malaysia
- 2.4 Cara Mengenalpasti Tapak Arkeologi
 - 2.4.1 Tinjauan Primer
 - 2.4.2 Tinjauan Sekunder
 - 2.4.3 Galicari
- 2.5 Perkembangan Terbaru Arkeologi Malaysia
- 2.6 Era Perubahan Zaman
 - 2.6.1 Zaman Paleolitik
 - 2.6.2 Zaman Mesolitik
 - 2.6.3 Zaman Neolitik
 - 2.6.4 Zaman Logam

SENARAI PELAN

- Pelan 2.1 : Tapak-tapak Arkeologi Menarik Untuk
Pelancongan Di Malaysia
- Pelan 4.1 : Pelan Kunci Kawasan Kajian
- Pelan 4.2 : Pelan Lokasi Kawasan Kajian
- Pelan 4.3 : Tapak Arkeologi Pulau Kelumpang
- Pelan 4.4 : Strategi Pembangunan Wilayah Utara
Perak
- Pelan 4.5 : Gunatanah Semasa Wilayah Utara Perak
- Pelan 4.6 : Rangkaian Jalanraya Sekitar Kawasan
Kajian
- Pelan 4.7 : Taburan Kawasan Pelancongan Sekitar
Kawasan Kajian
- Pelan 5.1 : Pelan Konsep Cadangan Pembangunan
Pulau Kelumpang

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Pulangan ekonomi yang lumayan daripada hasil industri pelancongan memang diketahui umum dan banyak negara sudahpun menerima pulangan ini. Justeru itu industri pelancongan di Malaysia telah diberi perhatian yang besar kerana ianya telah memberi banyak sumbangan kepada pembangunan negara. Kini industri ini merupakan penyumbang ketiga kepada pendapatan negara selepas industri petroleum dan pembuatan. Banyak peluang-peluang pekerjaan dapat diwujudkan disamping galakan kepada industri-industri sokongan seperti pengangkutan, perhotelan, restoran dan sebagainya turut berkembang maju.

Malaysia banyak mempunyai sumber tarikan pelancongan yang boleh dimajukan seperti pantai, hutan, gunung, lata, warisan budaya, sejarah dan sebagainya. Adalah penting untuk mempelbagaikan daya tarikan pelancongan bagi memajukan lagi industri ini.

Arkeologi merupakan satu bidang yang mempunyai satu daya tarikan yang tersendiri dalam bidang pelancongan seperti di negara China, Mesir,